



JAMALUDIN

## Penyelidikan Di UiTM Pahang: Pencapaian Sedekad Kemana Kita Hendak Tuju?

*Jamaludin Kasim*

### ABSTRAK

*Selagi kita bergelar pensyarah UiTM maka kita terikat dengan Surat Akujanji dan Buku Etika dan Nilai Pensyarah UiTM. Seharusnya kita melihat kembali akan peranan yang perlu dilaksanakan sebagai seorang pensyarah. Segala tugas dan tanggungjawab yang telah kita persetujui perlulah dilaksanakan dengan penuh amanah dan bertanggungjawab. Penyelidikan merupakan pencetus tulisan ilmiah dan inovasi yang bernilai tinggi. Perubahan sikap pensyarah UiTM Pahang kepada yang lebih proaktif pastinya akan mendatangkan keuntungan bersama bukan hanya pada pensyarah, malahan nama UiTM Pahang itu sendiri pastinya akan jadi gemilang dan terbilang.*

**Kata kunci:** pensyarah, tugas, tanggungjawab, penyelidikan

### Pengenalan

Penyelidikan merupakan salah satu tugas utama yang perlu dilaksanakan oleh semua pensyarah di UiTM khasnya dan semua pensyarah dalam universiti kerajaan. Pihak kerajaan telah menitikberatkan penyelidikan kepada pihak universiti tempatan supaya lebih banyak hasil penyelidikan dilakukan dan ini dapat menjana ekonomi negara. Tidak dapat dinafikan bahawa kecemerlangan sebuah universiti banyak bergantung kepada hasil penyelidikan, perundingan dan penerbitan.

Buku Etika dan Nilai Pensyarah UiTM (2005) diterbitkan untuk membantu pensyarah UiTM menyelenggara hidup sebagai pensyarah UiTM. Jelas dalam buku tersebut telah disediakan garis panduan untuk semua pensyarah UiTM menjalankan tugas nya dengan sebaik mungkin, beretika dan bertanggungjawab. Tidak cukup dengan itu, semua sebagai pensyarah UiTM juga telah menandatangani Surat Akujanji untuk melaksanakan semua tugas-tugas yang diberikan. Kita telah bersetuju untuk melaksanakan tugas yang telah digariskan, tapi mengapa masih ramai diantara kita yang belum menunaikannya? Apa sebab dan alasan nya, apa halangan nya atau masalah nya ialah KITA?

Kertas kerja ini ditulis dengan tujuan mengimbuai kembali pencapaian pensyarah UiTM Pahang dari segi penyelidikan, penulisan dan inovasi dari 2000 hingga 2009, membincangkan isu-isu dan cabaran yang dihadapi serta mencadangkan penambahbaikan.

### Pensyarah UiTM Pahang

Jadual 1 menunjukkan jumlah pensyarah UiTM Pahang mengikut jawatan. Kebanyakan pensyarah iaitu hampir 84 % mempunyai kelulusan minima Sarjana yang diperolehi dari dalam dan luar negara. Dengan kelulusan seramai itu maka dijangkakan hasil penyelidikan, penulisan dan inovasi pensyarah UiTM Pahang seharusnya membanggakan. Harapan agar lebih ramai lagi

pensyarah akan melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD dan dapat meningkatkan lagi mutu penyelidikan yang dihasilkan kelak.

Jadual 1. Pensyarah UiTM Pahang mengikut jawatan

<b>Jawatan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Profesor VK7	2	0.68
Profesor Madya DM53/54	13	4.45
Pensyarah Kanan DM52	40	13.70
Pensyarah DM45/DT1	190	65.07
Pensyarah Muda DM41	47	16.10
Jumlah	292	100

Sumber: Bahagian Pendtabiran UiTM Pahang sehingga 3hb. Jun, 2009

### Status Penyelidikan Di UiTM Pahang

Status penyelidikan dari tahun 2000 sehingga 2009 adalah seperti dalam Jadual 2. Jumlah penyelidikan yang tertinggi dibiayai oleh dana UiTM adalah 28 melibatkan seramai 27 pensyarah dan 2 Profesor Madya pada tahun 2004. Jumlah pensyarah yang terlibat adalah sedikit dan ramai pensyarah yang terlibat menganggotai lebih dari satu penyelidikan. Tahun 2007 juga memperlihatkan penglibatan pensyarah UiTM Pahang dalam penyelidikan menggunakan peruntukan FRGS. Tahun 2008 terdapat pula pensyarah yang mendapat geran dari e-Science.

Jadual 2. Status penyelidikan di UiTM Pahang 2000-2009

Tahun (mula)	Dana UiTM*	FRGS	e-Science	Lain-lain geran	Pensyarah Dr/DM41 /DM45/DM52	Prof. Madya	Profesor
2000	5	-	-	-	8	3	-
2001	5	-	-	-	10	5	-
2002	19	-	-	-	33	3	-
2003	9	-	-	-	22	1	-
2004	28	-	-	1- FRIM	27	2	-
2005	8	-	-	-	22	1	-
2006	9	-	-	-	22	1	-
2007	11	5	-	-	28	2	-
2008	19	5	1	-	>25	1	-
2009	3	1	-	-	>1	-	1

Data dari RMU. \* Dana UiTM: Dana BRC/IRDC dan Dana Kecemerlangan

Jelas dari pembentangan data dalam Jadual 2 diatas menunjukkan peratusan pensyarah yang melakukan penyelidikan adalah amat mendukacitakan. Kurang 10% dari keseluruhan pensyarah UiTM Pahang yang berusaha mendapatkan geran penyelidikan dan melakukan penyelidikan. Syabas kepada kelompok ini, masih ada rupanya pensyarah yang beretika dan bernilai tinggi.

Untuk menyuburkan budaya penyelidikan dikalangan pensyarah UiTM Pahang disyorkan agar mulai 2010, semua Profesor dan Profesor Madya perlu mendapatkan geran penyelidikan. Tidak ketinggalan pula Pensyarah DM 52 dan DM 45, geran mereka sekurang-kurangnya dari dana kecemerlangan UiTM. Walaupun sukar, inilah sepatutnya menjadi ikrar kita supaya dapat memajukan dan menyuburkan penyelidikan di Kampus Khazanah Alam yang kita sayangi. Ikrar kita dalam objektif kualiti UiTM Pahang bahawa setiap tahun akan ada sekurang-kurangnya 10 penyelidikan yang didaftarkan, mungkin tinggal sebagai impian jika tiada suatu usaha yang proaktif ke arah itu. Satu impian yang tidak akan tercapai selagi pensyarah UiTM Pahang tidak prihatin terhadap pentingnya menjalankan penyelidikan.

Naib Canselor UiTM, Dato' Seri Ibrahim Abu Shah menegaskan bahawa kakitangan akademik UiTM masa kini masih belum memberikan 100 % tenaga, kekuatan dan komitmen untuk sama-sama membangunkan UiTM sebagai sebuah universiti yang menfokuskan kepada usaha-usaha penyelidikan. Beliau juga menaruh harapan agar kakitangan akademik dapat melakukan yang lebih baik lagi untuk UiTM dengan menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti (Marzita, 2009).

## Hasil Penyelidikan: Penulisan dan Inovasi

Penerbitan adalah tunjang bagi para pensyarah berkongsi tahap keintektualan di landasan yang sepatutnya. Tak kira sama ada ia berbentuk penulisan/penerbitan akademik atau pun bukan akademik. Dengan ini ilmu yang ada dapat disalurkan dengan betul dan lebih bermanfaat. Begitu juga apabila kita membincangkan mengenai penerbitan ilmiah yang seharusnya berfungsi di semua universiti tempatan iaitu penerbitan jurnal. Walaupun diperingkat awalnya, jurnal adalah sekadar platform untuk melatih para kakitangan akademik untuk menulis rencana berbentuk ilmiah yang kebanyakannya adalah hasil penyelidikan yang dijalankan tetapi kini jurnal telah berperanan besar dalam menentukan tahap kecemerlangan universiti di mata umum (Shahril, 2009).

Hasil penyelidikan yang diterjemahkan dalam bentuk penulisan dan inovasi dapat di lihat dalam Jadual 3. Jumlah penulisan dalam jurnal antarabangsa adalah amat mengecewakan jika dibandingkan dengan jumlah pensyarah yang ada. Penulisan dalam GADING memang dikhaskan untuk pensyarah UiTM Pahang, tapi kalau diamati pensyarah yang menulis dalam GADING hanya segelintir sahaja. Tahu kah anda bahawa Jurnal GADING kini sudah berstatus Jurnal Kebangsaan sejak tahun 2005. Statusnya boleh dibanggakan, sekalung tahniah kepada Pengerusi serta ahli UPENA UiTM Pahang yang bersusah payah mendapatkan pengiktirafan bagi jurnal GADING.

Penulisan dalam prosiding KONAKA dan STSS sejak dari tahun 2000 juga sudah menunjukkan peningkatan. Malahan kini terdapat ramai pensyarah yang berjaya membentangkan kertas kerja di peringkat konferensi Antarabangsa. Inovasi masih baru walau bagaimanapun peningkatan yang ditunjukkan oleh pensyarah muda amat membanggakan. Disarankan agar pensyarah UiTM Pahang menggunakan saluran penulisan yang disediakan ini untuk berkarya dan menjadikan ianya tempat menajamkan idea penulisan sebelum menceburi dunia penulisan jurnal antarabangsa pula. Itu yang kita mahukan supaya kita dapat sama-sama memperbanyakkan penulisan dalam jurnal antarabangsa agar tujuan UiTM untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan tercapai dan kita tidak ketinggalan. Semua pensyarah seharusnya berikrar untuk menghasilkan sekurang-kurangnya satu penerbitan dalam setahun selaras dengan objektif kualiti kita.

## Pensyarah UiTM Pahang tidak suka Menyelidik Dan Menulis?

Jelas dari perbincangan kita diatas yang menunjukkan sikap kebanyakan pensyarah UiTM Pahang dari Profesor sehinggalah ke Pensyarah boleh dikategorikan sebagai kurang berminat untuk menjalankan penyelidikan, menulis dan menghasilkan inovasi. Apa sebabnya? Maka mari lah kita tepuk dada masing-masing. Tanya diri kita apa yang kita mahukan dalam kerjaya kita? Harapan saya semoga kita semua menjadi seorang pensyarah yang betul-betul cemerlang dalam segala hal yang melibatkan kita sebagai seorang pensyarah. Marilah kita bersama-sama berazam mulai detik ini kita berikrar bahawa kita akan menjadi seorang pensyarah yang proaktif dalam pengajaran, penyelidikan, penulisan dan inovasi. Marilah kita ubahkan minda kita yang kolot ini menjadi satu minda yang berguna, boleh dipakai dalam usaha kita menjadi seorang pensyarah yang cemerlang. Jangan lah kita menjadi sebagai pepatah "*melukut di tepi gantang*". Seolah-olah kewujudan kita ini tidak mendatangkan apa-apa kebaikan pada pelajar dan rakan pensyarah. Ada atau tiada kita tiada siapa yang pedulikan. Marilah kita semua berikrar supaya kita menjadi seorang pensyarah UiTM yang beretika, bernilai tinggi, beramanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas kita sebagai pensyarah.

Jadual 3. Penulisan dan inovasi pensyarah UiTM Pahang 2000-2009

Tahun	Journal*	Gading	Prosiding#	Buku	Inovasi
2000	>2	>10	>5		-
2001	>2	>10	>5		-
2002	>1	>10	>8		-
2003	>1	>10	>5		1
2004	>1	>10	>8		-
2005	>2	>10	>5		1
2006	>2	>10	>10	>2	>3
2007	>3	>10	>5	>3	>5
2008	>10	>10	>10	.3	>15
2009	>8		>8	4	>5

Sumber : D'expert/Prisma , \*Journal antarabangsa/kebnagsaan, #Prosiding Antarabangsa/Nasional  
> lebih dari yang tertulis

## Isu-Isu, Cabaran dan Penambaaian

### ATA Mengajar

Dilema semua pensyarah UiTM Pahang. Tiap semester disarankan 18 jam/minggu. Memang tinggi, tapi kini jumlah pensyarah sudah bertambah dan ada pensyarah yang mempunyai ATA serendah 12 jam/minggu. Bagi pensyarah yang mempunyai ATA kurang dari 18 jam/minggu tiada lagi alasan tidak mempunyai masa yang mencukupi. Apatah lagi setiap penyelidikan boleh disertakan dengan pengurangan ATA sebanyak 2 jam/minggu serta boleh digajikan pembantu penyelidik untuk menjalankan kajian anda. Kita juga digalakkan untuk bekerjasama dengan UiTM Induk untuk menyelia pelajar Sarjana Muda dan Sarjana berdasarkan kepakaran kita. Ini juga cara yang dapat memperbanyakkan jumlah penyelidikan.

Usahlah kita berikan banyak alasan-alasan, mencukupilah setakat ini saja. Buatlah perubahan diri, cermin-cerminkan diri kita ini, tanyakan diri kita sampai bila kita hendak menjadi pensyarah sebegini rupa? Tiada sumbangan dalam dunia penyelidikan dan penulisan? Nota-nota yang digunakan semua diveduk dari pengalaman orang lain. Kita punya pengalaman kita sendiri untuk dikongsi dengan para pelajar.

### Fasiliti/Perkakasan

Perkara ini juga sering dan selalu dikaitkan dengan berjayanya sebuah penyelidikan bagi seseorang bergelar saintis di UiTM Pahang. Memang benar fasiliti/serta peralatan adalah penting. Soalan nya kalau tiada alatnya di Kampus Jengka maka penyelidikan tak boleh

dijalankan? Kalau 'ya' jawapannya, satu jawapan yang datang dari orang yang kurang cerdik. Banyak lagi universiti di seluruh Malaysia, kita buatlah erjasama diantara pensyarah, buat kumpulan penyelidikan maka masalah kekurangan peralatan dapat diatasi. Kita juga akan dapat belajar dari yang sudah mahir menyelidik. Bukankah itu satu cara untuk kita berjaya "win-win situation". Maka bukalah minda kita yang sempit ini berfikir lah sebagai seorang "positive thinker". Jadilah seorang yang lebih proaktif dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pensyarah.

### ***Mentor***

Ada pensyarah yang tidak pernah menyelidik? Hairan tapi benar. Sebab mungkin semasa di peringkat Sarjana mereka tiada projek penyelidikan maka ilmu mengenai penyelidikan tiada. Perlulah bergerak dengan lebih berani mencari mentor untuk belajar. Kalau dibiarkan pastinya lebih memudaratkan seperti pepatah "*diam-diam besi pengali bila sudah lama, berkarat ia dan tiada berguna*". Jadikan Profesor Madya atau Profesor yang ada sebagai mentor. Apa gunanya menjadi Profesor dan Profesor Madya kalau tidak boleh membantu pensyarah bawahannya? Seharusnya Professor dan Professor Madya perlu mengerakkan penyelidikan di UiTM Pahang ini dan dibantu oleh pensyarah DM52 atau DM45. Dapatkan geran penyelidikan dari mana-mana organisasi.

### ***Dorongan dan Minat***

Perlu dipupuk dari awal semoga ianya menjadi satu budaya kita. Semua pensyarah mempunyai kelayakan tinggi dan pastinya semasa belajar dulu ada yang sudah membuat penyelidikan untuk tesis. Maka minat sepatutnya telah wujud lama, kini kita dorong lagi agar ianya menaikkan semangat kita untuk menyelidik. Penetapan pencapaian tahunan individu patut jadi permulaannya. Tetapkan sasaran kita satu penyelidikan dalam dua tahun yang perlu disiapkan. Hasilnya digubal dalam bentuk penulisan ilmiah untuk pembentangan atau penerbitan dalam jurnal atau dibukukan.

Pada awal tahun pihak kualiti ada menganjurkan lawatan sambil belajar ke Singapura dan difahamkan bahawa pensyarah NSU sendiri menetapkan pencapaian yang tinggi untuk setiap orang dan hasilnya NSU merupakan satu Universiti diantara yang ke-sepuluh terbaik dunia. Di UM, semua pensyarah mereka telah meletakkan saranan dalam SKT tahunan seperti berikut: (a) Profesor – 4 kertas kerja jurnal antarabangsa, (b) Professor Madya- 2 kertas jurnal, dan (c) pensyarah yang lain satu setiap orang. Ini lah semangat yang kita sepatutnya ada supaya UiTM akan menjadi salah sebuah pusat rujukan dalam bidang kepakaran masing-masing.

### ***Pengesahan Jawatan***

Kini perlu ada satu penyelidikan yang didaftarkan untuk tujuan pengesahan dalam jawatan. Jika penyelidikan kerana terpaksa, bukan dari naluri seorang penyelidik, maka hasilnya kurang bermutu.

### ***Pengiktirafan dan Kenaikan pangkat***

Dalam kehidupan sebagai seorang pensyarah kita juga dituntut untuk mencari pengiktirafan. Penulisan kita sekiranya dapat dimuatkan ke dalam jurnal ilmiah di peringkat antarabangsa merupakan satu pencapaian yang membanggakan. Kalau tidak mampu buatlah penulisan

diperingkat GADING dulu. Belajar merangkak, selepas menatih barulah berjalan! Pasti bila berjaya sememangnya satu kepuasan diri dapat dirasai oleh kita. Ketua program juga patut mengiktiraf pensyarah yang berjaya menyelidik dan menghasilkan penerbitan sebagai pensyarah cemerlang.

Pensyarah mesti merancang masa depan sendiri. Kebijaksanaan perlu lah dicari dan diusahakan. Berubah sikap dan berusaha dengan gigih, pasti kemanisan kejayaan akan membuahkan hasil. Berusaha dengan cara yang betul dan diredhai oleh ALLAH, itu lah jalan sebaik-baiknya, berusaha lah merubah diri.

### Isu KUALITI

Objektif kualiti UiTM Pahang telah menyarankan bahawa pensyarah akan berusaha untuk menjalankan sekurang-kurangnya 10 penyelidikan berdaftar dan menghasilkan setiap seorang satu penerbitan setahun. Walaupun objektif kualiti untuk penyelidikan tercapai tapi apabila kita perhatikan jumlah pensyarah yang terlibat agak mengecewakan. Dari 300 orang pensyarah kurang dari 30 orang saja yang terlibat. Seperti mana penyelidikan, penerbitan tulisan dalam jurnal atau prosiding juga menyedihkan. Cuma segelintir pensyarah yang melibatkan diri.

Perubahan mesti datang dari setiap pensyarah UiTM Pahang. Marilah kita bangun dari tidur dengan minda proaktif untuk memulakan kehidupan baru **sebagai pensyarah yang sebenarnya** dengan menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan setiap tahun.

### Saranan kepada Pengurusan UiTM Pahang

Sudah tiba masanya untuk pihak pengurusan UiTM Pahang mengambil tindakan yang paling tidak disukai oleh pensyarah. Pastikan SKT tahunan dibuat awal mengikut kaedah yang sepatutnya. Bermula tahun 2009 ini, di akhir bulan Disember 2009 tempatkan semua pensyarah di Auditorium dan semua dikehendaki mengisi borang SKT untuk tahun 2010. Pihak pengurusan perlu menetapkan SKT bagi semua pensyarah. Jika berpandukan Buku Nilai & Etika Pensyarah UiTM (2004), maka SKT bagi pensyarah adalah seperti berikut;

1. Tugas pengajaran
2. Menjalankan penyelidikan
3. Menjalankan aktiviti penulisan dan
4. Terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan

Berdasarkan perkara diatas mungkin pihak pengurusan boleh meminta semua pensyarah UiTM Pahang berikrar untuk memenuhi SKT diatas dan sekiranya tidak tercapai maka nilai pensyarah tersebut diberikan markah yang dibawah 80. Pemberian markah yang adil dan saksama dengan pencapaian pensyarah mesti di pertanggungjawabkan kepada penilai pertama dan kedua. Kalau diimbaz kembali pemberian pensyarah cemerlang berdasarkan penilaian tahunan, didapati memang banyak kepincangan yang berlaku. Yang dapat cemerlang sepatutnya tidak layak sebab hanya aktif dalam pengajaran saja, manakala pensyarah yang memenuhi kriteria SKT tidak diberikan cemerlang. Ada yang mengatakan pemberian cemerlang diberikan ikut giliran.

Pemberian cemerlang mestilah berasaskan akademik bukan kebajikan, yang tidak layak dan tidak memenuhi kriteria SKT perlu bertindak segera. Pemberian markah dibawah 80 akan dikatakan 'zalim' tapi berfikiran waras dan terbuka kerana pensyarah yang gagal diambil tindakan akan membolehkan ia memohon kursus PTK dan kalau berjaya akan dianjukkan gaji.

Adilkah ini? Yang benar-benar memenuhi kriteria saja sepatutnya mendapat ganjaran sedemikian rupa, tapi di UiTM Pahang sebaliknya berlaku. Sudah sampai masanya keadaan yang berlaku saban tahun ini diperbetulkan. Kita berlaku adil, beretika, beramanah dan bertanggungjawab keatas semua keputusan yang dibuat.

## **Kesimpulan**

Kemana arah tuju kita kini? UiTM Malaysia sedang dalam proses memohon taraf Universiti Penyelidikan pada tahun ini. Apa peranan kita di UiTM Pahang? Bagaimana kita sama-sama dapat merealisasikan impian tersebut? Adakah kita sudah maju ke hadapan atau masih ketinggalan jauh dibelakang? Marilah kita sama mengorak langkah dengan merubah cara minda kita berfikir agar ianya menjadi proaktif dan sentiasa menyambut cabaran yang mendatang. Kita tetap akan sama sehingga lah kita berusaha merubah pemikiran kita untuk menjadi bangsa yang berjaya dan perkasa dengan bertunjangkan akidah islamiah yang jitu. Akhirnya marilah kita semua berikrar untuk melakukan tugas kita sebagai **pensyarah UiTM dengan PENUH rasa tanggungjawab, beretika serta beramanah.**

## **Rujukan**

Nilai & Etika Pensyarah UiTM. (2005).Universiti Teknologi MARA

Marzita, A. (2009). Pegawai Kanan UiTM “bina semangat”. MEGA m.s 11. Utusan Malaysia. Rabu 3 Jun 2009.

Shahril, A. A. G. (2009). Memperkasa Penerbitan Universiti. Utusan Malaysia (m.s 11), Selasa 21 April 2009.

---

JAMALUDIN KASIM, Profesor, Fakulti Sains Gunaan, UiTM Pahang.  
djamal@pahang.uitm.edu.my